

**D.R. 1/95**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan 1995 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995. Tajuk ringkas.

**2.** (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi empat belas bilion lapan ratus tujuh juta empat ratus tujuh puluh enam ribu tujuh ratus empat puluh enam ringgit (RM14,807,476,746) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1994, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1994, Akta Perbekalan Tambahan (1993 dan 1994) 1994, Akta Perbekalan Tambahan (1994) 1994 dan Akta Perbekalan Tambahan (1994) 1995. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1994.  
Akta A870.  
Akta A884.  
Akta A897.  
Akta A907.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1995.

Akta A906.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi satu bilion satu ratus empat puluh tiga juta lapan ratus lapan puluh satu ribu tujuh ratus lima puluh ringgit (RM1,143,881,750) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1995, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1995.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

#### JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B. 1	Parlimen	1,930,000
B. 4	Suruhanjaya Pilihanraya	6,200,000
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	35,698,225
B. 14	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,513,000
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	584,096
B. 16	Jabatan Perkhidmatan Bomba	2,936,067
B. 19	Kementerian Pertanian	416,400
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	6,544,600
B. 25	Kementerian Pertahanan	163,385,544
B. 26	Kementerian Pendidikan	111,917,693
B. 28	Perbendaharaan	7,650,000
B. 30	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	14,000,000,000
B. 31	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	10,565,328
B. 32	Jabatan Hasil Dalam Negeri	1,650,000
B. 33	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	724,627
B. 34	Kementerian Kesihatan	118,477,800
B. 36	Polis Diraja Malaysia	143,417,024
B. 37	Jabatan Imigresen	5,280,500

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
		RM
B. 40	Jabatan Penjara	813,042
B. 42	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	2,900,000
B. 43	Kementerian Undang-undang	12,872,800
B. 47	Kementerian Pengangkutan	22,000,000
B. 52	Kementerian Kerja Raya	150,000,000
	JUMLAH	14,807,476,746

## JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
		RM
B. 4	Suruhanjaya Pilihanraya	36,500,000
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	140,000,000
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	29,910,000
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	15,000,000
B. 25	Kementerian Pertahanan	147,563,000
B. 26	Kementerian Pendidikan	35,000,000
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	27,362,700
B. 34	Kementerian Kesihatan	64,000,000
B. 36	Polis Diraja Malaysia	31,830,000
B. 44	Kementerian Penerangan	16,716,050
B. 52	Kementerian Kerja Raya	600,000,000
	JUMLAH	1,143,881,750

## HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1994 dan 1995 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1994, Akta Perbekalan Tambahan (1993 dan 1994) 1994, Akta Perbekalan Tambahan (1994) 1994, Akta Perbekalan Tambahan (1994) 1995 dan Akta Perbekalan 1995.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1878.]